

14/09/2001

Pelabur BSKL usah terburu-buru

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU, Khamis - Pelabur dinasihatkan tidak mengambil tindakan terburu-buru ketika melakukan urusan niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berikutan kejatuhan bursa saham serantau kesan serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Pentagon di Amerika, kelmarin.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, berkata kejatuhan di beberapa bursa saham serantau dan dunia kelmarin, berikutan serangan berkenaan hanya bersifat sementara.

Beliau berkata, ini terbukti apabila urusan niaga bursa saham dunia dan serantau menunjukkan peningkatan semula, semalam.

"Dalam membuat apa juga keputusan berhubung urusan niaga di BSKL, pelabur wajar menilai kekuatan fundamental syarikat kita dan ekonomi negara ini.

"Kita faham mengenai tindakan melakukan jualan panik ekoran peristiwa yang menimpa Amerika itu.

"Tetapi, saya rayu mereka jangan panik kerana apa yang berlaku itu hanya bersifat sementara.

"Kebanyakan syarikat kita mempunyai keupayaan dan prestasi baik. Apatah lagi pelbagai inisiatif sudah diambil kerajaan untuk memulih dan memantapkan prestasi pasaran saham yang menunjukkan kesan agak baik beberapa minggu lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan dan mendengar sesi taklimat di Jabatan Kastam Eksais Diraja di Wisma Kastam dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pencegahan) Kastam, Datuk Zaleha Hamzah; dan Pengarah Kastam Johor, Abdul Rahmah Abdul Hamid.

Chan berkata demikian mengulas kejatuhan indeks komposit BSKL, berikutan tragedi di Amerika dan tindakan yang sewajarnya dilakukan pelabur bagi mengelakkan mereka mengambil keputusan melakukan urusan niaga panik.

Sebaik saja memulakan urusan niaga, semalam, indeks komposit BSKL jatuh lima peratus atau lebih 40 mata sebelum ia meningkat semula pada tengah hari dan keadaan itu terus stabil sehingga ditutup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan BSKL ditutup sehari (Selasa lalu) berikutan tragedi di Amerika dan keputusan itu dianggap sebagai bijak bagi mengelakkan pasaran saham tempatan menerima kesan teruk.

Selain BSKL, beberapa bursa lain termasuk Taiwan dan Thailand turut menutup urusan niaga bursa saham masing-masing.

Chan berkata, Kementerian Kewangan sudah mengambil beberapa langkah jangka pendek bagi mengelakkan tragedi yang menimpa Amerika memberi kesan teruk kepada ekonomi dan pasaran saham tempatan.

Katanya, langkah bagi meningkatkan permintaan domestik dan memulihkan semula industri elektronik yang terjejas sedang dilaksanakan secara berperingkat dan sehingga kini ia dapat diurus dengan sempurna.

(END)